



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TUKANG PANCUT (E.1-2-3 EB.4)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG PANCUT**  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = ENAM (06)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) *BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai kebolehan dalam membaik pulih apa jua jenis mesin serta peralatan semburan bermotor dan peralatan elektrik (*Electronic Equipment*) yang dikendalikan adalah kelebihan.
3. Mempunyai pengetahuan mengenai kawalan serangga serta habitatnya termasuk haiwan perosak adalah satu kelebihan.
4. Mempunyai pengetahuan dalam bidang Kesihatan Awam (*Public Health*), kesihatan Alam Sekitar (*Environmental Health*) dan Entermoli adalah satu kelebihan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membuat penyemburan dan pengasapan racun serangga di kawasan perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengikut jadual yang telah ditetapkan;
2. Memberikan perkhidmatan kawalan dan pencegahan penyakit bawaan vektor serta gangguan serangga di setiap perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
3. Membuat pemantauan kebersihan kawasan bagi mencegah dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk dan mengambil tindakan yang perlu seperti penyemburan racun serangga;
4. Memberikan khidmat bantuan pengawalan pembiakan tikus dalam jangka pendek dan gangguan serangga lain yang berkaitan dengan kesihatan awam; dan
5. Bersedia untuk berkhidmat di mana-mana Perkhemahan dan Kawasan Latihan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) seperti diarahkan oleh pihak atasan.